

Pejuang perubatan rayu kerjasama

Kumpulan dalam FB ajak masyarakat pulihkan negara

Oleh Luqman Arif Abdul Karim
luqman.arif@bh.com.my

Kuala Lumpur: Meskipun nyawa sendiri menjadi taruhan, barisan pengamal perubatan di negara ini, terus mengerah kudrat memberikan rawatan terbaik kepada pesakit COVID-19.

Menerusi kumpulan perbualan dinamakan 'Rayuan Pengamal Perubatan' yang diwujudkan di laman Facebook, rata-rata pejuang barisan hadapan itu tampil menzahirkan harapan supaya masyarakat memberikan kerjasama sebaiknya kepada mereka dalam usaha memerangi penularan COVID-19.

Antara luahan menyayat hati ialah Pegawai Perubatan dari Hospital Kemaman, Dr Lee Hoong, yang ketika ini terpaksa menjalani kuarantin selepas terdedah kepada jangkitan daripada pesakit COVID-19.

"Hari ini ialah hari ketiga saya

menjalani proses kuarantin, masih berdebar menunggu keputusan ujian sampel tekak. Rakan dan keluarga amat risaukan saya. Saya sangat rasa bersalah dengan rakan sepasukan yang terpaksa bekerja saban hari membantu operasi kerana segelintir daripada kami terpaksa menjalani tempoh kuarantin.

"Diharapkan, keputusan sampel jangkitan saya adalah negatif supaya dapat kembali berkhidmat dengan rakan sepasukan untuk menangani penularan COVID-19 secara bersama," katanya.

Menerima nasib sama, Pegawai Perubatan Epidemiologi dari Hospital Teluk Intan, Dr Nik Shah-eeda Yusoff, berkata kepulangannya di rumah sentiasa dinantikan dua anaknya, sejak sibuk bertugas merawat pesakit COVID-19.

Bagaimanapun, hasrat itu terpaksa ditangguhkan sekurang-kurangnya 11 hari lagi, memandangkan beliau masih menjalani tem-

poh kuarantin selepas terdedah dengan jangkitan daripada pesakit COVID-19.

"Tolong doakan kerana ketika ini kami berdepan kekurangan tenaga pekerja. Saya tidak sabar untuk kembali berjuang dengan rakan sekerja di barisan hadapan, supaya kami saling menyokong. Kepada rakyat Malaysia, kekal berada di rumah, pastikan anda selamat dan jangan menipu. Bersama kita tempuh cabaran ini," katanya.

Menyedari hakikat sektor perkhidmatan kesihatan kini berdepan kekurangan petugas, Dr S Malar Velli, pula sanggup 'mengorbankan' cuti belajarnya untuk kembali bersama berjuang dengan rakan sepasukan di hospital yang memerlukan sokongan.

Walaupun masih bertungkus-lumus melengkapkan pengajian Sarjana Kesihatan Awam di Universiti Malaya, beliau bersama beberapa rakan yang turut diberi-



Rayuan Pengamal Perubatan
National University Hospital SG

8 hours a month

Meghan Chin · Rayuan Pengamal Perubatan

I'm Chui from Penang, currently working in CCU of National University Hospital SG. We're nursing both low risk and high risk covid pts. We're well equipped and never have to worry about short supply of PPEs. I hope my fellow healthcare professionals in M'sia do not have to face



Rayuan Pengamal Perubatan

Hello everyone. I am Hong MC Medical from Hospital Kemaman. Today is my day 3 of quarantine, still awaiting for my swab result. I am currently admitted in hospital after direct contact with a positive Covid-19 patient. My family and friends are so

Kumpulan Rayuan Pengamal Perubatan dalam Facebook

kan cuti belajar dilihat tidak kisah mengetepikan kepentingan diri sendiri demi menunaikan tanggungjawab kepada negara.

"Segelintir daripada rakan saya ada anak kecil di rumah dan pasangan yang berjuang di barisan hadapan sebagai pakar epidemiologi, manakala saya mempunyai ayah yang sedang berusaha pulih selepas menjalani pembedahan otak.

"Tolong bantu kami untuk kami bantu anda. Bersama kita gembangkan tenaga untuk memulihkan negara. Apa yang anda perlu lakukan ialah hanya kekal duduk di rumah dan bercakap benar," katanya.

Meskipun sedang 'berbadan dua' juga ternyata bukan alasan buat Pegawai Perubatan di Jabatan Kecemasan dan Trauma Hospital Kuala Lumpur (HKL) Dr Ain Ariffin, yang masih berada di barisan hadapan untuk menyediakan perkhidmatan rawatan kepada pesakit, termasuk individu dijangkiti COVID-19.

Mengakui risau dengan kesihatan dan keselamatan kandungannya, beliau bagaimanapun masih ingin menabur bakti berbekalkan kepadarannya, tatkala negara di ambang krisis penularan wabak berkenaan.